



**BAHAGIAN SUMBER MANUSIA  
INSTITUT PENYELIDIKAN PERHUTANAN MALAYSIA (FRIM)  
KEPONG, 52109 SELANGOR DARUL EHSAN**

Ruj Kami/ Our Ref:FRIM500-2/2/1(39)  
Ruj Tuan/ Our Ref:

Tarikh : 23 Ogos 2016

**IKLAN JAWATAN KOSONG KUMPULAN PELAKSANA SIRI 3/2016**

Permohonan adalah dipelawa daripada warganegara Malaysia berumur 18 tahun ke atas yang berkelayakan bagi mengisi jawatan berikut di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM).

- 1. (a) JAWATAN : PEMBANTU PENYELIDIK GRED Q17/Q19**
- (b) PENEMPATAN:** Bahagian Biodiversiti Hutan
- (c) PROJEK :** *Improving Connectivity in the Central Forest Spine Landscape (IC-CFS)*
- (d) TARAF JAWATAN :** Kontrak
- (e) JADUAL GAJI:** RM 1,000.00 (Minimum) – RM 4,007.00 (Maksimum)
- (f) IMBUHAN :**
- |                          |   |           |
|--------------------------|---|-----------|
| (I) Tetap Khidmat Awam   | : | RM 115.00 |
| (Ii) Tetap Perumahan     | : | RM 300.00 |
| (Iii) Bantuan Sara Hidup | : | RM 300.00 |

**(g) SYARAT LANTIKAN**

Calon-calon bagi jawatan di atas hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (i) Warganegara Malaysia;
- (ii) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;

(Gaji permulaan ialah pada Gred Q17/Q19 : RM 1,000.00); dan

**(h) SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**(i) SYARAT TAMBAHAN**

- (i) Mempunyai minat dan pengalaman bekerja di dalam persekitaran hutan;
- (ii) Boleh bekerja dengan jadual waktu yang fleksibel, kerja lebih masa dan pada cuti hujung minggu dan cuti umum;
- (iii) Boleh melaksanakan tugas mengumpul, memelihara dan mengurus semua bentuk organisma biologi;
- (iv) Calon haruslah mempunyai kemahiran komputer; dan
- (v) Memiliki kepujian dalam subjek sains pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia.

**(j) SKOP TUGAS**

- (i) Menjalankan aktiviti penyelidikan kajian biologi di lapangan dan makmal termasuklah melaksanakan tetapan plot, menjalankan kajian dan inventori, mengumpul, merekod dan pemprosesan spesimen, merekod data dan melaksanakan pengecaman spesies menggunakan garis panduan standard;
- (ii) Membantu dalam pengurusan mesyuarat, perundingan dan program pembangunan kapasiti projek. Membantu dalam pengurusan kewangan, perakaunan, pentadbiran dan pengurusan fail; dan
- (iii) Melaksanakan lain-lain tugas yang diperlukan bagi memenuhi keperluan projek.

## **CARA MEMOHON**

Permohonan hendaklah dibuat melalui sistem permohonan jawatan dalam talian yang boleh diakses di laman sesawang Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM). Hanya permohonan yang dibuat melalui sistem permohonan dalam talian FRIM (<http://www.frim.gov.my/general-public/career-opportunities/>) akan diproses

**TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 13 September 2016 (selasa)**

## **CATATAN AM**

Hanya calon-calon yang layak sahaja akan dipanggil untuk menjalani proses saringan. Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas **tiga (3) bulan** dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.

No. Kotak:No. Dokumen: 10193259